

Jambori Remaja Muslim semai bakat kepimpinan 120 calon Sijil Pelajaran Malaysia

UM (Hello Kampus) Kuantan 24/7/13 n.26

KUANTAN 23 Julai - Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Perwakilan Kolej Kediaman 2 (Peka) dan Alumni Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Panching menganjurkan program Jambori Remaja Muslim memabitkan 120 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), di sini baru-baru ini.

Program yang diadakan di UMP kampus Gambang itu memabitkan lima buah sekolah terdiri daripada SMK Seri Panching, SMK Seri Mahkota, SMK Gambang, SMK Paya Besar dan SMK Pandan.

Menurut Pengetua Kolej Kediaman 2 (KK2), Nasrul Salim Pakheri, program pertama kali dianjurkan itu bertujuan melahirkan remaja muslim yang bersih-siah tinggi serta menerapkan nilai kesukarelaan dalam diri pelajar.

“Peserta berpeluang tinggal di dalam kampus dan mereka dibantu dengan fasilitator terdiri daripada kalangan penuntut baharu UMP sebanyak 30 orang.

“Pendedahan ini mampu memberi persediaan kepada mahasiswa baharu dalam melibatkan diri dengan aktiviti kemasyarakatan ber-

sama komuniti setempat serta mencungkil bakat mereka menjadi pemimpin nanti,” katanya kepada pemberita di sini.

Program tersebut dirasmikan oleh Ahli Parlimen Paya Besar, Datuk Abdul Manan Ismail dan dihadiri wakil Persatuan Alumni SMK Panching, Saha Abdullah.

Dalam pada itu, Abdul Manan berkata, para pelajar dapat mencapai kejayaan menerusi akademik kerana menjanjikan masa depan lebih cemerlang serta mampu memperbaiki taraf hidup keluarga mereka.



ABDUL Manan Ismail (tengah) dan sebahagian pelajar ceria dalam program Jambori Remaja Muslim memabitkan 120 calon Sijil Pelajaran Malaysia di Universiti Malaysia Pahang, Kuantan, baru-baru ini.